Dakwaan guru jalin hubungan dengan murid, KPM tak tolak ansur kes kesalahan seksual

Oleh Saadiah Ismail - Mac 25, 2024 @ 10:13am
saadiah_ismail@bh.com.my



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) memandang serius kes salah laku seksual yang membabitkan guru dan murid seperti dilaporkan oleh media pada hari ini.

KPM dalam satu kenyataan berkata, **kes** berkenaan kini berada dalam perhatian kementerian dan tindakan sudah diambil mengikut garis panduan sedia ada.

"KPM juga bersedia memberi kerjasama penuh kepada siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.

"Tiada tolak ansur terhadap kesalahan seksual di institusi pendidikan KPM. Justeru, semua pihak digesa untuk melaporkan kes jenayah seksual supaya tindakan tegas dapat diambil.

"Institusi pendidikan bawah KPM diminta untuk mematuhi Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual yang sedang berkuatkuasa bertujuan untuk memelihara keselamatan dan kesejahteraan pelajar," menurut kenyataan media, di sini, hari ini.

Sebelum ini BH melaporkan, polis masih menjalankan siasatan ke atas seorang guru wanita yang dikatakan melakukan kesalahan seksual terhadap pelajar lelaki berusia 17 tahun.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusoff, berkata polis menerima laporan pada 12 Disember lalu mendakwa suspek yang berusia 37 tahun mencabul mangsa, ketika mengulang kaji bersama guru terbabit di perpustakaan sekolah.

Katanya, laporan dibuat pada 10.30 malam oleh ibu mangsa berusia 46 tahun yang mendakwa terdapat kesan kemerahan pada leher anak lelakinya, selepas mangsa pulang dari ulang kaji Matematik bersama suspek.

"Siasatan mendapati kejadian berlaku pada 12 Disember lalu kira-kira jam 4.50 petang apabila mangsa yang sepatutnya pulang ke rumah sebaliknya masih bersama suspek di perpustakaan," katanya.

Sebelum ini tular di media sosial seorang **guru** wanita bercinta dengan pelajar lelaki berusia 17 tahun walaupun sudah mempunyai suami dan lima orang anak.

Wan Kamarul berkata, polis akan melengkapkan siasatan sebelum dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan lanjut.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang membawa hukuman penjara selama tempoh tidak lebih 10 tahun dan sebatan.